

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

HIU 225 - Pendidikan Nilai-Nilai Murni Dalam Islam

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **TIGA** [3] sahaja dari soalan-soalan berikut. Setiap soalan membawa markah yang sama.

1. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Dan ingatlah ketika Tuhanmu menjadikan keturunan Bani Adam dari tulang belakang mereka dan Allah meminta kesaksian atas diri mereka: “Bukankah Aku ini Tuhan kamu?” Mereka menjawab: “Betul, kami menyaksikan...” (Al-Qur'an, surat al-A'raf: 172).

Huraikan maksud ayat al-Qur'an di atas daripada sudut-sudut berikut:

- [a] Islam sebagai Agama Fitrah.
 - [b] Persoalan-persoalan tentang *ruh* yang dibincangkan di dalam ilmu keruahanian Islam.
 - [c] Ilmu-ilmu yang diperlukan untuk pemantapan ruhani.
2. Dalam usaha pembinaan peribadi dan penerapan nilai-nilai murni, keyakinan tawhid memainkan peranan yang paling asas. Untuk menjelaskan relevansi keyakinan tawhid dengan nilai-nilai akhlak dan tingkah laku manusia, bincangkan persoalan-persoalan berikut:
- [a] Peranan *Muraqabah* dalam memantapkan peribadi.
 - [b] Kesan penghayatan sifat-sifat Allah di dalam peribadi seorang manusia.
 - [c] Contoh-contoh transformasi sosial yang pernah berlaku di dalam sejarah sebagai konsekwensi keyakinan tawhid dan penghayatannya.

3. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“... dan mereka yang berjuang kerana Kami (Allah) nescaya akan Kami tunjukkan kepadanya jalan-jalan Kami.” (Al-Qur'an, surat al-'Ankabut: 69)

Berdasarkan kepada ayat al-Qur'an ini,uraikan perkara-perkara berkaitan yang berikut:

- [a] Konsep *mujahadah* dan signifikannya dari aspek pembentukan peribadi.
- [b] Tahap-tahap mujahadah.
- [c] Rukun-rukun mujahadah.

4. Seorang manusia mempunyai potensi-potensi kejiwaan yang berbeza-beza dan setiap satunya dimanifestasikan dalam bentuk perbuatan dan perlakuan tertentu. Berdasarkan pernyataan ini, bincangkan perkara-perkara berkaitan yang berikut:

- [a] Yang mana satukah antara potensi-potensi kejiwaan ini boleh dikategorikan sebagai akhlak?
- [b] Unsur-unsur yang diperlukan supaya sesuatu perbuatan boleh dianggap sebagai petanda yang betul terhadap akhlak pelakunya.
- [c] Hujah-hujah bagi membuktikan bahawa tabiat asal seseorang manusia boleh diubah dan dibentuk ke arah yang lebih baik.

5. Persoalan-persoalan tentang *hati* banyak disentuh dalam ilmu keruhanian Islam.
Bincangkan tentang hati dari sudut-sudut berikut:

- [a] Suasana-suasana hati yang digambarkan di dalam al-Qur'an.
- [b] Kepentingan ilmu, amalan dan pergaulan dalam proses pembersihan/rawatan hati.
- [c] Ibadat-ibadat khusus sebagai sarana kesejahteraan individu dan masyarakat.

6. Keruntuhan akhlak di kalangan sebahagian remaja Malaysia kini merupakan suatu fenomena yang membimbangkan orang yang perihatin terhadap masa depan bangsa dan negara. Nyatakan nilai-nilai akhlak yang diperlukan untuk mengatasi gejala ini serta tunjukkan cara-cara yang difikirkan berkesan untuk penerapan nilai-nilai tersebut ke dalam sektor-sektor masyarakat.